

Headline	KPWKM, Jakim peka kebajikan pelajar didera		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	3
ArticleSize	240 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 28,364		



KPWKM, Jakim peka kebajikan pelajar didera

Kota Bharu: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi membantu pelajar tahfiz yang didera di sebuah madrasah di Selangor.

Menteri KPWKM Datuk Seri Nancy Shukri berkata, siasatan dibuat dan pihaknya akan menjaga kebajikan pelajar itu yang juga kanak-kanak, seperti yang dipertanggungjawabkan.

Katanya, kementerian juga sudah menghubungi Jakim untuk mendapatkan maklumat lanjut dan bentuk bantuan diperlukan, berikutan institusi tahfiz di bawah kelolaan agensi berkenaan.

“Sebaik dimaklumkan berita itu, kami terus menghubungi Jakim untuk bertanya bentuk bantuan diperlukan dan diberitahu bahawa pusat pengajian agama itu tidak berdaftar.

“Kami akan melindungi kanak-kanak terbabit se-

lain turut menawarkan khidmat kaunseling kepada pelaku jika dia mempunyai masalah peribadi,” katanya dalam sidang media semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Pelancaran Better Brighter Anjung Kasih Yayasan Kebajikan Negara (YKN)-Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II, di sini.

Nancy mengulas laporan muka depan Metro Ahad, kelmarin mengenai tindakan melampau tenaga pengajar sebuah madrasah tahfiz tidak berdaftar di Selangor yang memukul dan memaksa pelajar tidur di dalam tandas.

Operasi pusat pengajian agama itu yang didakwa didukung ahli politik dari pantai timur, peguam serta pengamal perubatan turut dikesan mengutip dana daripada orang ramai kononnya untuk membina yayai pembinaan surau yang tidak pernah disiapkan hingga kini.

“**Kami terus menghubungi Jakim untuk bertanya bentuk bantuan diperlukan**”
Nancy

- He claims to be Moroccan, even though he is French of Algerian origin. He takes advantage of the reputation of Moroccan Ulemas and Sufis to swindle Muslims of South Asia.
- This foreign individual is trying to change his surname from "Ouradj" to "EL Idrissi".
- The person concerned has **no affiliation** with the "Moroccan Cherif Idrissi", nor any noble lineage, given that he came to Morocco in 2014 to settle with his Moroccan wife.
- He exploits the noble family line to attract followers.